

KESUSAHAN HIDUP BUKAN PENGHALANG KEJAYAAN

Oleh: Indok Noor Fatieha binti Ambok Achok, 1171842,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia
Disiarkan pada 1 September 2020



Pada tahun 2008, seorang anak nelayan dari Kota Bharu, Kelantan yang bernama Nik Nur Madihah Nik Mohd. Kamal menjadi popular di seluruh negara.

Gadis itu mencatatkan keputusan yang sangat cemerlang iaitu 20A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dua tahun sebelumnya, Nik Nur Madihah dinobatkan sebagai pelajar terbaik peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) di negara ini.

Kejayaan ini menjadi sumber inspirasi seluruh rakyat Malaysia yang kagum dengan kecemerlangan akademik Nik Nur Madihah walaupun hidup dalam keadaan serba kekurangan.

Beliau memutuskan untuk mengambil 20 mata pelajaran dalam SPM kerana ingin mencabar diri selain membuktikan anak seorang nelayan juga mampu berjaya.

Nik Nur Madihah tidak menjadikan kesusahan hidup sebagai alasan dan penghalang untuk mengejar cita-cita. Sebaliknya, ia dijadikan pemangkin semangat untuk terus berjaya.

Penulis buku 'Noktah Terjahit' itu juga berkata bahawa untuk berjaya, seseorang itu memerlukan usaha yang banyak dan belajar secara berstrategik dengan mengenal pasti cara yang sesuai untuk kita belajar.

Pesan beliau lagi, banyakkannya bertanya jika kita tidak faham. Yang paling penting adalah bertawakal kepada Allah SWT setelah kita berusaha bersungguh-sungguh dan melakukan yang terbaik.

Keputusan peperiksaan percubaan SPM yang diperolehi Nik Nur Madihah adalah 14A 5B. Namun, beliau tidak patah semangat dan sebaliknya terus berusaha memperbaiki prestasinya.

Kata-kata yang menjadi pegangannya untuk membakar semangat adalah 'kejayaan semanis madu tidak akan datang tanpa usaha sepahit hempedu'.

Belajar dari kesilapan juga merupakan salah satu rahsia kejayaan yang dikongsikan oleh Nik Nur Madihah. Hasilnya dapat dilihat dari keputusan SPM yang sangat cemerlang.

Kini, graduan lepasan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang Ilmu Wahyu dan Warisan Islam itu menempa nama sebagai seorang penulis dan penerbit buku.

Nik Nur Madihah juga giat menguruskan perniagaan menjual makanan sunnah di bawah jenama Dukkanmaya.

Melihat kepada kejayaan Nik Nur Madidah, kita tidak seharusnya menjadikan kesusahan hidup sebagai alasan yang menghalang kita untuk mengejar kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilakukan.

Kegetiran yang dialami wajar dijadikan pembakar semangat dalam usaha memperbaiki kehidupan dan merealisasikan impian kita.

Harta bukan kunci kejayaan, tetapi usaha dan tawakal itulah yang menjadi faktor penentu. Ingatlah bahawa Allah tidak mempersia-siakan usaha setiap hamba-Nya.

Pokok pangkalnya, kita mesti yakin dengan kebolehan diri sendiri dan tabah berdepan cabaran dalam perjalanan menuju ke puncak kejayaan.

